



ENAKMEN No. 10 TAHUN 2003

SAYA BERSETUJU,

SULTAN ISKANDAR

L.S.

Tandatangan Raja

22hb Disember 2003

Suatu Enakmen untuk membuat peruntukan-peruntukan berbangkit untuk ubahsuaian-ubahsuaian gelaran apabila taraf Majlis Daerah Johor Bahru Tengah ditukar dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

DENGAN INI ADALAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan berkuat kuasa

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah 2001 dan hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa mulai 1 Januari 2001.

Ubahsuaian gelaran

2. Apabila taraf Majlis Daerah Johor Bahru Tengah ditukar kepada Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah, apa-apa sebutan yang dibuat dalam mana-mana undang-undang bertulis atau selainnya kepada –

- (a) “Majlis Daerah Johor Bahru Tengah” atau “Johor Bahru Tengah”, sebutan itu hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan “Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah”;

- (b) “Ahli-ahli Majlis Daerah Johor Bahru Tengah” atau “Ahli-ahli Majlis Johor Bahru Tengah”, sebutan itu hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan “Ahli-ahli Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah”.
- (c) “Yang Dipertua Majlis Daerah Johor Bahru Tengah” atau “Timbalan Yang Dipertua Majlis Daerah Johor Bahru Tengah”, sebutan itu hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan “Yang Dipertua Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah” atau “Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah”; dan
- (d) “Majlis Daerah” atau “Daerah” sebutan itu hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan “Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah”.

Kekecualian

3. Tiada apa-apa jua boleh menyentuh kuat kuasa sebelum ini, atau apa-apa jua tindakan yang dilakukan di bawah peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pihak berkuasa tempatan berkenaan dengan apa-apa hak atau obligasi Majlis Daerah Johor Bahru Tengah atau mana-mana pihak berkuasa atau orang sebelum tarikh mula berkuat kuasa Enakmen ini dan penukaran taraf hendaklah tidak mencatatkan apa-apa prosiding undang-undang, dan apa-apa prosiding perundangan boleh dimulakan seolah-olah tiada apa-apa penukaran taraf.

Diluluskan dalam Dewan Negeri Johor pada 14hb November 2003.

HAJI SALLEH BIN HAJI AHMAD,
Jurutulis Dewan Negeri,
Johor



ENACTMENT No. 10 OF 2003

I ASSENT,

L.S.

SULTAN ISKANDAR

Ruler's Sign Manual

22nd December 2003

An Enactment to make consequential provisions for modifications of titles upon the change of status of the Johor Bahru Tengah District Council and for matters connected therewith.

[]

IT IS HEREBY ENACTED by the Legislature of the State of Johor as follows:

Short title and commencement

1. This Enactment may be cited as the Johor Bahru Tengah Municipal Council Enactment 2001 and shall be deemed to have come into force on 1 January 2001.

Modification of titles

2. Upon the change of status of the Johor Bahru Tengah District Council to the Johor Bahru Tengah Municipal Council, any reference made in any written law or otherwise to –

- (a) “the District Council of Johor Bahru Tengah” or “the District of Johor Bahru Tengah”, such reference shall be construed as reference to “the Johor Bahru Tengah Municipal Council”;

JOHOR No. 10 OF 2003

- (b) “the Councillors of the District Council of Johor Bahru Tengah or “the Councillors of the District of Johor Bahru Tengah”, such reference shall be construed as reference to “the Johor Bahru Tengah Municipal Councillors”;
- (c) “the President of the District Council of Johor Bahru Tengah” or “the Deputy President of the District Council of Johor Bahru Tengah”, such reference shall be construed as reference to “the President of the Johor Bahru Tengah Municipal Council” or “the Deputy President of the Johor Bahru Tengah Municipal Council”; and
- (d) “District Council” or “District”, such reference shall be construed as reference to “the Johor Bahru Tengah Municipal Council”.

Savings

3. Nothing shall affect the past operation of, or anything done under the provisions of any written law relating local authority of any rights or obligations of the Johor Bahru Tengah District Council or any authority or person before the date of coming into operation of this Enactment and the change of status shall not render defective any legal proceedings, and any legal proceedings may be commenced as if there had been no change of status.

Passed in the Johor Legislative Assembly on the 14th day of November 2003.

HAJI SALLEH BIN HAJI AHMAD,
Clerk of the Legislative Assembly,
Johor